

# Ahli2 parti politik perlu mengetahui dasar2 kerajaan

BENTUNG, Ahad — Menteri Besar, Datuk Najib Tun Razak mengingatkan parti-parti politik tentang perlunya penjelasan atau penerangan lengkap diberikan kepada ahli-ahli parti mengenai dasar-dasar Kerajaan.

Katanya, salah pengertian atau penjelasan yang tidak tepat mengenai dasar-dasar Kerajaan boleh membuka jalan kepada setengah golongan yang hendak 'menangguk di air keruh' untuk kepentingan mereka sendiri.

"Kerajaan bukan sahaja memerikan maklum balas dari rakyat, penjelasan yang lengkap juga perlu diberikan kepada mereka," jelasnya ketika berucap merasmikan Persidangan MIC Pahang, di Dewan UMNO di sini petang semalam.

Datuk Najib menasihatkan rakyat jangan lalai dengan keadaan yang terkawal sekarang dan katanya, salah faham antara kaum boleh mencetuskan keadaan yang tidak diinginkan.

Katanya, Kerajaan

Negeri akan sentiasa mengamalkan dasar pemerintahan terbuka dan sentiasa menerima pandangan dan pendapat parti-parti komponen Barisan Nasional.

Datuk Najib berkata, tidak ada penindasan terhadap kaum minoriti di negara ini dan usaha meningkatkan kaum-kaum yang ketinggalan sentiasa berjalan.

Sementara itu, Kerajaan Negeri katanya, sedang memberi perhatian kepada penyertaan sektor swasta supaya lebih aktif lagi memalmkan peranan penting mereka dalam pembangunan perindustrian di negeri ini.

Katanya, peranan sektor swasta sangat penting kerana agensi-agensi kerajaan yang ada sekarang tidak akan dapat memberikan kepuasan secukupnya kepada kehendak-kehendak pembangunan itu.

Datuk Najib berkata, Kerajaan sekarang membuat perancangan bagi kawasan perindustrian Bentung yang begitu strategik yang akan dibuka tidak lama lagi.